

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

LATAR BELAKANG WAYANG KULIT DI MALAYSIA.



Wayang kulit dibawa masuk ke Malaysia pada abad ke-15 masihi melalui Thailand. Persembahan wayang kulit pada awalnya hanya dipersembahkan di istana sebagai hiburan keluarga diraja. Oleh itu, jalan cerita wayang kulit banyak berkisarkan kepada golongan istana.

Di Malaysia terdapat lima (5) jenis wayang kulit yang masih dimainkan pada kini iaitu :

1. Wayang Kulit Kelantan : Berasaskan kepada pengaruh Patani, manakala bagi persembahan pula ia menggunakan dialek Kelantan dan kebanyakannya dimainkan di negeri-negeri Pantai Timur.
2. Wayang Kulit Gedek : Terdapat di negeri Kedah, Perlis dan beberapa negeri utara di Pantai Barat Semenanjung. Bahasa Thailand dan dialek tempatan diguna pakai sebagai bahasa persembahan.
3. Wayang Kulit Purwa: Terdapat di bahagian Selatan Pantai Barat Semenanjung terutamanya di Johor. Bahasa Jawa dan diselitkan juga dengan bahasa melayu tempatan untuk persembahan.
4. Wayang Kulit Melayu : Terdapat di negeri Kelantan dan negeri-negeri pantai timur. Persembahan disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu berpengaruh Jawa. Kisah yang dimainkan diambil dari epik Mahabratha.
5. Wayang Kulit Campuran : Berasal dari Selatan Thailand (Patani) tetapi menggunakan dialek Kelantan Siam. Susur alur cerita mengenai isu semasa tetapi menggunakan watak daripada Hikayat Sri Rama. Persembahan wayang kulit campuran ini terdiri daripada lima (5) watak tambahan yang membawa genre lucu iaitu Wok Soh, Wok Yoh, Said, Samad dan Ehtein.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

PENGENALAN WAYANG KULIT KELANTAN



Wayang Kulit Kelantan dahulunya dikenali sebagai wayang kulit Siam kerana pemerintahan melayu Kelantan yang berasalnya juga dari Patani di Siam. Selain itu, aksesori dan pakaian bagi watak utama khususnya Sri Rama yang banyak menggunakan pengaruh elemen dari Siam. Manakala, bagi perkakasan alat dan irama muzik pula adalah berdasarkan daripada persembahan Menora yang juga dari Siam. Penceritaan di dalam Wayang Kulit Kelantan adalah daripada himpunan cerita Hikayat Sri Rama yang disadur dengan Epik Ramayana dari Negara India.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL
*Wayang Kulit
Kelantan*

ALAT MUZIK WAYANG KULIT KELANTAN

Peralatan muzik yang digunakan bagi menghasilkan lagu dan muzik untuk mengiringi sesuatu persembahan adalah gabungan dari peralatan muzik Siam, Jawa dan Melayu. Sebagai contoh serunai, geduk & gedombak merupakan alat muzik yang digunakan dalam persembahan Menora, Siam. Manakala bagi kesi, canang dan gong pula berasal dari Jawa. Peralatan muzik seperti gendang pula digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu.



SERUNAI

Terdapat dua (2) jenis serunai yang digunakan dalam pementasan Wayang Kulit Kelantan iaitu Serunai Kecil atau dipanggil serunai anak manakala Serunai Panjang, ia lebih dikenali sebagai serunai ibu. Ia diperbuat dari kayu rengas, *blackwood*, kayu nangka dan kayu merbau. Serunai juga terdiri dari beberapa bahagian iaitu Kecopong, Batang Serunai, Nali, Pen dan Pipit Serunai.

SEPASANG GEDOMBAK

Gedombak juga terbahagi kepada dua (2) iaitu Gedombak Ibu yang menghasilkan bunyi nada rendah, manakala Gedombak Anak pula menghasilkan bunyi lantang & tinggi. Tambahan, badan Gedombak atau di panggil Baluh / Tembalang diperbuat dari kayu nangka atau kayu merbau. Manakala bahagian permukaan Gedombak dipasang dari kulit kambing yang dirajut pada badan Gedombak menggunakan rotan. Gedombak mempunyai notasi sendiri mengikut bunyi (3 nada) yang dihasilkan iaitu (D), (C), (P).



ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

ALAT MUZIK WAYANG KULIT KELANTAN

SEPASANG GENDANG



Gendang mempunyai dua (2) saiz iaitu Gendang Ibu dan Gendang Anak. Badan Gendang diperbuat dari kayu nangka, kayu merbau, batang bayah dan batang kelapa. Gendang mempunyai dua (2) permukaan dimana permukaan depan (lebar) di pasang kulit lembu dan permukaan belakang (kecil) dipasang kulit kambing. Notasi bunyi bagi Gendang Ibu (D) (P) (P) dan Gendang Anak (T) (C) (Ø).

Kedua-dua Gendang ini dimainkan untuk lagu Jalan Sri Rama menyembah ratu, Dayang Inang, Tuan Puteri Menyanyi dan pelbagai lagi.

SEPASANG GEDUK

Terdapat dua (2) jenis geduk iaitu Geduk Ibu (besar) yang menghasilkan bunyi rendah, manakala Geduk Anak (kecil) yang menghasilkan bunyi yang nyaring. Badan Geduk diperbuat dari kayu merbau atau kayu nangka, ia mempunyai dua permukaan, kedua-duanya dipasang kulit lembu. Ia juga mempunyai satu (1) bahagian yang diperbuat dari buluh yang dipanggil Pematın Geduk. Pematın geduk mempunyai bahagian yang menghasilkan bunyi yang lunak. Geduk boleh dimainkan mengikut notasi barat.



ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

ALAT MUZIK WAYANG KULIT KELANTAN



KESI

Kesi merupakan alat muzik ini berperanan penting dalam muzik wayang kulit dan digunakan pada setiap lagu wayang kulit. Ianya diperbuat dari besi baja atau tembaga. Kesi yang dihasilkan dari tembaga mempunyai bunyi yang lebih lunak. Kesi mempunyai dua (2) nada notasi pukulan buka adalah (o) manakala untuk pukulan tutup (x).

CANANG

Canang atau dikenali sebagai Mong diperbuat dari besi atau tembaga. Setiap Set canang mempunyai dua (2) biji iaitu Canang Ibu dan Canang Anak. Alat ini dimainkan dengan menggunakan pemukul yang diperbuat dari getah.



SEPASANG GONG

Sepasang Gong yang terdiri dari Gong Anak dan Gong Ibu digunakan dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Gong ini juga dipanggil dengan nama Tetawak. Perbezaan antara Gong dan Tetawak adalah daripada bahan pembuatannya iaitu Gong diperbuat dari besi atau tembaga, manakala tetawak diperbuat dari campuran logam besi, tembaga, timah dan gangsa. Gong mempunyai dua (2) notasi iaitu (g) bagi Gong Anak dan (G) bagi Gong Ibu.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
 &
CARNIVAL
Wayang Kulit
Kelantan

SUSUN ATUR PENTAS WAYANG KULIT



Beberapa peralatan muzik dan kelengkapan lain dalam persembahan wayang kulit telah ditetapkan kedudukannya. Wayang kulit dimainkan pada Layar Putih atau nama lainnya adalah Kelir. Kedudukan alat muzik adalah di belakang Tok Dalang. Sepasang Kesi di sebelah kanan dan Geduk Ibu di sebelah kiri. Kemudian diikuti Gedombak Ibu dan Gedombak Anak. Di barisan belakang pula dari kanan diletakkan Geduk Anak, Gendang Anak, Gendang Ibu dan Serunai.

Barisan seterusnya diletakkan Tiang Seri iaitu tempat permastautin nasi guru. Nasi Guru yang terdiri dari pulut kuning, telur rebus, benang mentah, duit pengeras (25 sen), satu 'piyak' (sireh, pinang, kapur, gambir) dan sebatang lilin.

Dibelakang Tiang Seri diletakkan Canang pada sebelah kanan dan kiri. Kemudian diletakkan juga sepasang Gong Anak dan Gong Ibu.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

SULTAN SIRAT MAHRAJA



Sultan Sirat Mahraja adalah anak kepada Sultan Sirat Cheka Wati. Watak ini merupakan ayahanda kepada Sri Rama dan Laksamana hasil daripada perkahwinannya bersama Tuan Puteri Cahaya Bulan. Ia mempunyai seorang lagi isteri iaitu Tuan Puteri Mandudari.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION

&
CARNIVAL
*Wayang Kulit
Kelantan*

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

TUAN PUTERI CAHAYA BULAN



Permaisuri kepada Sultan Sirat Mahraja. Mempunyai dua (2) orang anak iaitu Sri Rama dan Laksamana.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION

&
CARNIVAL
*Wayang Kulit
Kelantan*

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

TUAN PUTERI MANDUDARI



Isteri muda kepada Sultan Sirat Mahraja. Dikurniakan dua (2) orang anak iaitu Semardamdan dan Chardam. Digambarkan sebagai seorang yang amat cantik sehingga menjadi kegilaan Mahraja Wana.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

SRI RAMA



Anak sulung kepada Sultan Sirat Mahraja dan Permaisuri Tuan Puteri Cahaya Bulan. Sri Rama mempunyai empat (4) kekuatan iaitu Anak Panah Gading Wat Sodoroka, Bunga Chaptik Chapta, Gelibat Jawa, Keris Kechik Lela Pejangga dan Cincin Hitam Permata Nilam yang membantu beliau menjadi raja yang masyhur dan agung di zaman kekuasaannya. Digambarkan sebagai seorang manusia yang luar biasa, pemimpin keluarga yang penyayang dan pemerintah yang agung. Mempunyai 40 buah negara di bawah naungannya.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

SITI DEWI



Anak kepada Maharaja Rawana dan Permaisuri Mandudaki yang dibuang dengan dihanyutkan di laut seberang Tasik Langkapuri kerana dipercayai membawa malapetaka dan kematian kepada Maharaja Rawana. Kemudiannya telah ditemui dan dijaga oleh Mahresi Kala Api sehingga dewasa menjadi seorang yang cantik dan terkenal di seluruh pelusuk rantau. Selepas berkahwin dengan Sri Rama, Siti Dewi ditabalkan sebagai Permaisuri negeri seluruh Tanah Jawa.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

LAKSAMANA



Laksamana merupakan adik kepada Sri Rama. Mengikut Hikayat Ramayana, Laksamana telah diciptakan oleh Mahresi dengan menggunakan kayu Lat Candi Pertapaan bagi menggantikan Sri Rama yang disangka hilang ketika dalam jagaan beliau. Apabila menyedari Sri Rama tidak hilang tetapi ada bersama Permaisuri Cahaya Bulan, Laksamana dijadikan anak angkat kepada Permaisuri Cahaya Bulan atas peke- nan Sultan Sirat Mahraja.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

HANUMAN KERA PUTIH



Mengikut Hikayat Sri Rama, Hanuman Kera Putih adalah anak kepada Sri Rama dan Siti Dewi yang telah dilahirkan oleh Tuan Puteri Maya Angin dan diberi nama awal sebagai Anak Kera Beleh Sri Mainan. Beliau menerima didikan ilmu kepahlawanan dari Dewa Sinar Matahari dan diberi juga ilmu kebatinan Isem Uragedi, Kipas Lanung, Senjata Pakir dan pakaian Dewa Sinar Matahari. Beliau telah bertemu ibubapa kandung iaitu Sri Rama dan Siti Dewi dan kemudiannya dilantik sebagai Hanuman Kera Putih, Hulubalang Bisnum, Kepala Perang Sertapura.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION

&
CARNIVAL
*Wayang Kulit
Kelantan*

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

LAKJUNA



Lakjuna adalah anak kedua kepada Sri Rama dan Siti Dewi dan dikenali sebagai Dewa Muda. Lakjuna digambarkan sebagai seorang Putera Raja yang tampan, bijaksana dan berkepimpinan sepertimana ia mewarisi sifat ayahandanya iaitu Sri Rama.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

BOTA MAHRAJA WANA



Berasal dari kayangan tingkat ke lima (5). Beliau merupakan Dewa Sirajut pada asalnya yang dikenali sebagai seorang yang sangat gagah akan tetapi sombong dan ingin berkuasa, kemudiannya ia telah turun ke dunia dan menjadi Bota Mahraja Wana lalu berkahwin dengan Puteri Mandudaki iaitu perempuan yang diciptakan dari daki Puteri Mandudari. Bota Mahraja Wana mempunyai isteri di kayangan, bumi, Laut dan Gua Likud. Kesemua isterinya tinggal di kawasan masing-masing.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

PAK DOGOL



Watak yang berasal dari Sang Yang Tunggal dan dikenali sebagai Dewa Sang Yang Tunggal. Gelaran dewa itu merujuk kepada satu watak yang pintar dan bijaksana. Digambarkan dengan wajah yang gelap adalah memberi simbolik kepada watak Pak Dogol sebagai seseorang yang tiada paras rupa tetapi baik budi pekerti dan bijaksana.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

WAK LONG



Watak yang diciptakan dari daki Pak Dogol untuk dijadikan teman semasa beliau bersendirian. Sifatnya yang petah berbicara ini bagi memberi elemen jenaka kepada Persembahan Wayang Kulit Kelantan. Berperwatakan kelakar yang sopan dan petah berbicara bertentangan dengan sifat Pak Dogol yang berhati-hati apabila berkata-kata dan penuh dengan nasihat.

ASWARA FESTIVAL
EXHIBITION
&
CARNIVAL

Wayang Kulit Kelantan

WATAK PEMENTASAN WAYANG KULIT

MAHARESI KALA API



Watak Maharesi dalam Persembahan Wayang Kulit Kelantan ialah Maharesi Kala Api. Maharesi yang menjaga Siti Dewi setelah dijumpai oleh 40 Maharesi di Pantai Wat Tujuh Kedi Beremas, tempat Maharesi Kala Api bertapa. Maharesi Kala Api juga yang telah mencipta Laksama dari Kayu Lat Candi pertapaannya.